

PENYATA RASMI
MESYUARAT KEEMPAT
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KHAMIS,

08 MAC 2018

BIL. 17 TAHUN 13

HADIR

YB Timbalan Speaker,
YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan
Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan
Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani,
Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan
Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.
(Endau)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Haji Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Dr. Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.
KMN.
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Haji Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin, SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini kita akan menyambung Mesyuarat iaitu Mesyuarat Keempat Bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Haji Zainal Abidin bin Mohamed Zain yang telah berkhidmat selama 3 penggal sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang juga Ahli Dewan Negeri Kawasan Rengit mulai 21 Oktober 1990 hingga 9 Disember 1999 dan seterusnya dipilih menjadi Speaker Dewan Negeri Johor pada 29 November 1999 hingga April 2004 telah kembali ke rahmatullah pada 4 Januari 2018.

Dukacita juga dimaklumkan bahawa Encik Mohamad bin Kasbi yang telah berkhidmat selama 3 penggal sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Puteri mulai 21 Oktober 1990 hingga 4 Mac 2004 telah kembali ke rahmatullah pada 7 Februari 2018.

Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Dato' Haji Zainal Abidin bin Mohamed Zain dan Encik Mohamad Kasbi dan marilah kita bersama-sama doakan semoga roh Allahyarham ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Dan, bagi orang-orang Islam membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam, berdiri bertafakur. Al-Fatihah. (Dewan berdiri bertafakur).

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 dan 2 Tahun 2018.

Bilangan 1 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2016.

Bilangan 2 Tahun 2018 - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 dan Penyata Memorandum mengenai :

- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Johor Tahun 2016.
- Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 2 Tahun 2016.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 3 hingga 9 Tahun 2018.

Bilangan 3 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Bilangan 4 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Muar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Bilangan 5 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Bilangan 6 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kluang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Bilangan 7 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kulai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Bilangan 8 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Bilangan 9 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Mersing Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2018.

Bilangan 10 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2018.

Bilangan 11 Tahun 2018 - Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Tenang, jemput.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

Sejauh manakah Falsafah Dekad Baharu Johor yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dapat mempengaruhi pemikiran rakyat Johor untuk memacu Pembangunan Johor akan datang.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk dan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenang tentang Falsafah Dekad Baharu Johor dan sejauh manakah ia dapat mempengaruhi pemikiran rakyat Johor untuk memacu pembangunan Johor akan datang.

Saya ingin memulakan dengan menjelaskan bahawa Dekad Baharu Johor bukanlah sekadar sebuah falsafah atau slogan. Sebaliknya ia adalah misi pembangunan jangka masa sederhana. Ia adalah tentang tekad dan perancangan kerajaan negeri Johor untuk tempoh 10 tahun akan datang. Pengenalan awalnya telah saya lakukan semasa pembentangan Bajet 2018 akhir tahun lalu dan perinciannya telah saya huraikan dalam Majlis Amanat 2018 bulan lepas. Selain daripada segala yang telah saya huraikan di dalam kedua-dua forum

ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan beberapa perkara penting yang harus dilihat dan difahami dengan jelas berhubung dengan gagasan Dekad Baharu Johor ini.

Dekad Baharu Johor adalah sebuah misi kemuncak yang didasari oleh Falsafah Johor Berkemajuan. Ia meletakkan sasaran yang jelas dalam tempoh masa yang realistik. Lebih penting, ia diiringi dengan strategi dan fokus yang khusus bagaimana semua ini harus dicapai. Antaranya, dengan melakukan pembangunan infrastruktur pada skala besar-besaran, melakukan perubahan dalam struktur ekonomi negeri, menjayakan transformasi sistem budaya dan norma kehidupan digital dan merencanakan agenda pembangunan bakat, minda dan pemikiran anak muda Johor.

Jadi, dengan melakukan semua ini, sasaran kita adalah untuk memastikan yang 10 tahun akan datang menjadi era kemuncak Johor. Sama ada dalam aspek pertumbuhan ekonomi, keharmonian masyarakat dan alam sekitar serta kesejahteraan sosial. Dan yang lebih penting, seperti yang disoal oleh Yang Berhormat Tenang, dengan meletakkan sasaran sebegini, kita yakin bahawa masyarakat akan terpenggil untuk turut serta dalam menjayakannya.

1. Kerana dalam kesemua aspirasi dan matlamat Dekad Baharu Johor ini, ia akan memberi manfaat dan faedah secara langsung kepada rakyat Johor. seperti lazimnya tidak ada strategi dan fokus dalam Dekad Baharu Johor ini yang tidak memberikan manfaat kepada masyarakat umum. Dan, kerajaan Barisan Nasional akan pastikan semua yang kita rancang untuk lakukan akan benar-benar memberi manfaat yang besar kepada rakyat.
2. Dekad Baharu Johor ini kita pakej dan perkenalkan sebagai satu platform untuk semua pihak menyumbang dengan lebih banyak dan berkesan. Kita mahu masyarakat di Johor mempunyai pemikiran dan semangat menyumbang kepada tanah air mereka dan bukannya sekadar menjadi pemerhati semata-mata. Kita yakin ramai anggota masyarakat kita di luar sana yang mahu menyumbang kepada Johor. Ramai yang berkebolehan dan berkeupayaan. Jadi, Dekad Baharu Johor ini harus turut dilihat sebagai landasan terkini untuk mereka memberi sebanyak-banyaknya untuk Johor.
3. Kita yakin masyarakat akan terpenggil untuk terlibat dalam menjayakan aspirasi ini kerana strategi dan pendekatan yang kita sarankan di dalamnya bersifat persediaan masa depan yang realistik dan relevan dengan kehidupan mereka. Misalnya, dalam agenda pembangunan bakat orang muda dan seruan untuk semua pihak melakukan persediaan bagi berhadapan dengan ekonomi digital. Kedua-dua aspek ini sangat penting untuk dilihat dan diberi perhatian oleh masyarakat, khususnya dalam mempersiapkan mereka untuk berhadapan dengan gelombang ekonomi digital, revolusi 4.0 dan kemaraan aplikasi serta *disruptive technology*, dengan izin. Jadi, apabila kita menyatakan azam dan perancangan kita untuk membantu mereka mempersiapkan diri bagi menghadapi masa depan, sudah pastilah ia akan diterima dan disambut baik oleh mereka.

YB Timbalan Speaker : Sila, Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberi jawapan yang cukup jelas dan juga terperinci. Syabas dan tahniah juga kepada kerajaan negeri yang dinaungi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar

dan terus melangkah dengan jauh, mempunyai satu pemikiran yang pragmatik, pandangan visi dan misi. Jadi, soalan tambahan saya, Dekad Baharu Johor mensasarkan Johor yang maju dan sejahtera. Apakah aspirasi agenda ini selari dengan agenda-agenda nasional seperti TN50, Wawasan 2020 dan kenapa ia disasarkan dalam 10 tahun? Terima kasih.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat. Persoalannya ialah sama ada agenda Dekad Baharu Johor ini selari dan serasi dengan pelbagai agenda khususnya kerajaan pusat terutamanya dalam soal TN50 dan sebagainya.

Memanglah apabila kita melakarkan Dekad Baharu Johor kita mengambil kira supaya perancangannya serasi dan sesuai dengan dasar dan juga agenda besar di peringkat nasional. Dan, seperti yang telah saya katakan, Dekad Baharu Johor ini adalah satu persediaan kita bagi masa hadapan. Bagi berhadapan dengan masa hadapan bukannya satu agenda sehari dua dan juga bukan sekadar bertujuan untuk mendepani cabaran yang kita sedang hadapi pada hari ini. Tetapi ia juga ambil kira cabaran dan konteks masa depan. Jadi, ini sama dengan TN50 misalnya atau pun Wawasan 2020. Ia merupakan satu perancangan dan agenda masa depan.

Kedua, seperti TN50, Dekad Baharu Johor menjadikan pembangunan prasarana dan pembangunan kapasiti manusia sebagai teras yang penting. Ini satu persamaan dan keserasian yang sangat jelas. Kita meletakkan pemberat yang penting dalam usaha melengkap dan memantapkan prasarana serta kemudahan awam sama seperti diujahkan untuk TN50.

Ketiga, Dekad Baharu Johor memberi perhatian yang besar kepada teknologi globalisasi dan dunia digital. Dekad Baharu Johor tidak bersifat konvensional dan tradisional. Sebaliknya ia menjadikan perkembangan teknologi dan cabaran globalisasi sebagai satu perkara yang harus didepani secara terbuka dan berkesan. Jadi, ini juga persamaan yang ada antara Dekad Baharu Johor dengan TN50.

Dan, keempat, Dekad Baharu Johor sama seperti TN50 amat peka dan meletakkan pertimbangan yang sensitif kepada aspek budaya dan warisan tempatan. Membangun dengan acuan tempatan adalah antara mantera utama dalam Wawasan 2020, juga TN50. Pembangunan dan kemajuan yang ingin kita kecapai bukannya berkiblatkan mana-mana negara atau pun pihak Barat, sebaliknya diadun mengikut kesesuaian konteks tempatan dan kekayaan budaya dan warisan masyarakat kita. Dan, seperti yang telah saya katakan, ianya dirangka dalam tempoh 10 tahun bagi Dekad Baharu Johor kerana :

- i. 10 tahun adalah satu tempoh yang realistik.
- ii. 10 tahun adalah satu tempoh untuk membolehkan kita menilai dan mengkaji keberkesanan gagasan ini. Dan,
- iii. Agenda pembangunan jangka masa panjang sudah dirangka dan dibahaskan di peringkat Pusat melalui TN50. Jadi, kita pilih 10 tahun.

YB Timbalan Speaker : Ya, Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, di mana berkenaan dengan Dekad Baharu ini, dia membawa satu wawasan atau visi bukan sahaja kepada pihak kerajaan tetapi seluruh rakyat Johor. Tapi saya nampaknya,

kurangnya rancangan ataupun kita kata kita menyentuh tentang bagaimana kita memperkasakan institusi kerajaan, institusi demokrasi kita dan juga apa tu kita kata, berdasarkan pentadbiran yang merupakan asas kepada segala bentuk pembangunan dan kemakmuran di negeri Johor. Berkait rapat...

YB Timbalan Speaker : Apa soalnya tu?

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Berkait rapat dengan ini saya nampak, saya memohon pihak kerajaan memberi satu penjelasan ataupun pendirian berkenaan dengan apakah rancangan untuk Dekad 10 tahun akan datang untuk memperkasakan institusi Dewan Negeri sebagai satu semakan dan imbangan yang penting kepada pentadbiran dan merupakan tunggak utama dalam sistem demokrasi di negara kita?

YAB Menteri Besar : Dato' Speaker, Dekad Baharu Johor ini sasaran juga liputannya amat luas dan ia berfokus kepada soal masa depan, maknanya memberi perhatian pada soal masa hadapan. Jadi apa sahaja perkara sudah tentulah ia akan menjadi penelitian. Apa yang kita bentangkan adalah secara umum khususnya dalam soal perkara yang ketiga dari segi apabila disebut bahawa Dekad Baru Johor itu juga beri perhatian kepada soal menjayakan transformasi sistem, budaya dan norma kehidupan. Jadi bila dalam masa kita bergerak 10 tahun itu, sudah tentulah ada perkara-perkara yang akan diberi tambah baik, akan berlaku transformasi dan sebagainya tetapi sebagai satu *mission statement*, kita telah menyatakan bahawa antara lain kita akan saksikan melalui Dekad Baru Johor ini ia akan menjayakan transformasi sistem, budaya dan norma kehidupan. Itu bermakna kita merangka, merancang secara menyeluruh.

Barisan nasional kerajaan di sini amat melihat kepada semua perkara sebenarnya tak perlu pembangkang, jadi insya-Allah kita memang akan lakukan semua itu. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Jemput Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Berapa buahkah Taman Perumahan Islam yang dibina dalam negeri Johor, jumlah dan jenis unit, harganya, peningkatan gerak kerja pembinaannya setakat ini dan bagaimanakah cara memohonnya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan Taman Perbadanan Islam merupakan antara strategi dan pendekatan kerajaan negeri dalam membantu rakyat untuk mendapatkan perumahan mampu milik bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Rumah-rumah mampu milik ini meliputi Perumahan Komuniti Johor A, berharga RM42,000.00, Perumahan Komuniti Johor B, berharga RM80,000.00 dan Rumah Mampu Milik Johor yang berharga RM150,000.00. Pembangunan Taman Perbadanan Islam ini dipertanggungjawabkan kepada PIJ Holdings Sdn. Bhd. iaitu salah satu anak syarikat kerajaan negeri Johor.

Untuk tempoh sehingga tahun 2020, PIJ Holdings merancang untuk membina sebanyak 1,525 unit yang meliputi 234 unit Perumahan Komuniti Johor A, 337 unit Perumahan Komuniti Johor B dan juga 954 unit Rumah Mampu Milik Johor di seluruh

negeri Johor. Lanjutan daripada majlis pecah tanah yang telah diadakan berikut adalah kemajuan Taman Perbadanan Islam yang telah dicapai sehingga kini:

1. Taman Perbadanan Islam Jalan Datin Halimah dengan pembinaan sebanyak 71 unit Rumah Mampu Milik Johor, sehingga hari ini, kemajuan kerja telah mencapai 97% siap dan CCC dijangka akan diperolehi pada bulan April 2018.
2. Taman Perbadanan Islam Larkin, dengan pembinaan 121 unit Rumah Mampu Milik Johor, pembinaan telah dimulakan dengan kemajuan kerja sebanyak 13%. Projek ini dijangka siap Disember 2018.
3. Taman Perbadanan Islam Stulang Baru, dengan pembinaan sebanyak 126 unit Perumahan Komuniti Johor A, 99 unit Perumahan Komuniti Johor B, dan 108 unit Rumah Mampu Milik Johor. Pembinaan sedang dilakukan dengan kemajuan kerja sebanyak 22% dan projek ini juga dijangka siap pada Disember 2018.
4. Taman Perbadanan Islam Rengit, Batu Pahat dengan pembinaan 58 unit rumah mampu milik Johor dan kelulusan merancang telah diperolehi daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat dan seterusnya pelan kerja tanah dan bangunan telah dihantar untuk mendapatkan kelulusan daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Taman Perbadanan Islam yang akan dibangunkan pada tahun ini, PIJ Holdings meneruskan tanggungjawabnya membina rumah mampu milik di 2 buah kawasan:

1. Taman Perbadanan Islam Teluk Permata ataupun dulu disebut Teluk Jawa dengan pembinaan sebanyak 106 unit Rumah Mampu Milik Johor, projek pembinaan Rumah Mampu Milik Johor dijangka akan bermula pada Mac 2018, setelah rakan usaha sama baru dilantik.
2. Taman Perbadanan Islam Maharani, Muar dengan pembinaan sebanyak 92 unit Rumah Mampu Milik Johor, 136 unit rumah komuniti Johor B, dan 90 unit perumahan komuniti Johor A dan kedai kos rendah sebanyak 10 unit. Pihak PIJ Holdings sedang mendapatkan kelulusan merancang daripada Majlis Perbandaran Muar seterusnya kerja bangunan dijangka bermula pada tahun ini setelah pelan bangunan diluluskan oleh Majlis Perbandaran Muar.

Semua unit-unit Perumahan Komuniti Johor A, B dan Rumah Mampu Milik Johor yang dibina dalam Taman Perbadanan Islam dijual melalui tapisan Setiausaha Bahagian Perumahan, melalui portal erumah.johor.gov.my. maknanya siapa yang nak mohon sepertimana biasa boleh mohon melalui *online* dengan SUK Perumahan.

YB Timbalan Speaker : Jemput Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, tahniah kepada PIJ yang telah berjaya menyelesaikan masalah perumahan rakyat dan hingga satu peringkat di satu taman hingga 97% siap dan ini satu kejayaan yang boleh dibanggakan dan soalan saya adakah projek-projek begini dapat memberikan pulangan yang lumayan, terbaik kepada syarikat dan kalau ia, bagaimanakah ia boleh diterapkan kepada syarikat-syarikat swasta khususnya supaya mereka mampu membina rumah yang berkualiti begini dan juga pada kos yang mampu diberi oleh rakyat kerana di negeri Johor ini, terutama kalau

di Muar itu, kos rumah meningkat begitu tinggi sehingga rumah teres pun harga RM200,000.00 hingga RM300,000.00. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, perumahan Taman Perbadanan Islam ini merupakan usaha kerajaan negeri melalui anak syarikatnya yang mana projek ini kalau kita kira dari segi margin keuntungan memang tak untung. Sebab itu, kita minta anak syarikat kerajaan negeri yang buat ini. Sebiji rumah yang kita jual RM150,000.00 kosnya antara RM200 – RM250 maknanya anak syarikat kerajaan ini kena bagi subsidi sehingga RM100,000.00. Jadi kalau bagi kepada swasta saya tak fikir swasta akan berminat untuk melaksanakan projek ini. Ini adalah sebahagian daripada usaha baik kerajaan nak bantu rakyat. Maknanya walaupun kita rugi, tapi asal nak bantu rakyat, nak sediakan rumah mampu milik, kerajaan berkorban untuk rakyat.

YB Timbalan Speaker : Sila Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Sejauh manakah penerimaan masyarakat terhadap kedai IMCOOP dan penglibatan dari koperasi-koperasi untuk mengusahakannya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Senggarang, sejauh manakah penerimaan masyarakat terhadap kedai IMCOOP dan penglibatan dari koperasi-koperasi untuk mengusahakannya. Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang, perniagaan IMCOOP bermula pada 28 November 2015 dengan pembukaan *outlet* pertamanya yang terletak di Kebayan Nanas, Taman Kota Masai, Pasir Gudang. Koperasi Iskandar Malaysia Berhad yakni IMCOOP didaftarkan pada 14 November 2014. Sehingga Februari 2018, IMCOOP telah mempunyai 20 *outlet* yang menawarkan pelbagai barangan keperluan rakyat dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

Pada tahun 2015, kita telah membina *outlet* sebanyak 3, 2016 sebanyak 6, 2017 sebanyak 7 dan sehingga Februari 2018 adalah sebanyak 4 buah. Dijangka sehingga Disember 2018 pembukaan *outlet* IMCOOP akan ada pertambahan 10 *outlet* baru yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 30 *outlet* yang akan menawarkan pelbagai barangan keperluan rakyat dengan harga yang berpatutan.

Selain itu terdapat 14 *outlet* yang juga menyediakan keperluan barangan basah di bawah program *My Farm Outlet*. Mengikut rekod 2017, IMCOOP telah mencatatkan jualan sebanyak RM13.6 juta berbanding RM8.2 juta pada tahun 2016. Melalui peningkatan RM5.66 juta ini, telah menggambarkan masyarakat telah dapat menerima kehadiran IMCOOP dalam bidang perniagaan peruncitan di negeri Johor.

Bagi tujuan hebahan dan promosi, pada tahun 2018 IMCOOP telah merancang untuk mengadakan program jualan pasar komuniti. Program ini akan mensasarkan kawasan penduduk yang dikategorikan sebagai B40 bagi membolehkan golongan ini mendapat barangan keperluan harian dengan harga yang berpatutan.

YB Timbalan Speaker : Jemput Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, apakah perancangan kerajaan negeri buat IMCOOP dalam jangka masa sedekad mendatang? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, IMCOOP sedang dalam usaha untuk menjadi sub ataupun pusat pengedaran barangan bagi program KRIM 2.0 dan juga pusat pengedaran barangan basah. Melalui program-program ini, IMCOOP dapat memperluaskan aktiviti pembekalan barangan bukan sahaja kepada *outlet-outlet* IMCOOP dan koperasi tetapi juga kita bercadang untuk meluaskan perniagaan ini, ataupun kita nak menggalakkan peruncit-peruncit yang sedia ada di dalam negeri Johor ini untuk bekerjasama dengan IMCOOP. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Pua Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Keadaan jalan sesak dari Skudai menuju ke Johor Bahru di Jalan Skudai amat teruk terutamanya di simpang belok ke kawasan Taman Perling/Linkedua. Apakah langkah kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?

YB Pengerusi Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Bukit Batu bertanyakan mengenai usaha kerajaan untuk menyelesaikan masalah kesesakan di sepanjang Jalan Skudai. Yang Berhormat Dato' Speaker, punca kesesakan di simpang belok ke kawasan Taman Perling/Linkedua, adalah disebabkan oleh lorong laluan keluar Taman Johor yang berkongsi dengan laluan susur naik ke laluan Pasir Gudang. Dan ini menyebabkan kenderaan yang menyusur ke laluan Taman Perling/Linkedua yang mana jarak hanya 450 meter dari susur Taman Johor, mengalami kesesakan bagi memberi laluan masuk kenderaan yang ingin menyusur ke lorong Pasir Gudang terutama ketika waktu puncak.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara punca lain yang menyumbang kepada kesesakan lalu lintas ialah sikap pemandu sendiri yang tidak sabar mengambil lorong lalu memotong barisan untuk memintas kenderaan lain bagi laluan yang dikehendaki. Bancian daripada Unit Perancang Lebuhraya, *Highway Planning Unit* dengan izin, Kementerian Kerja Raya, di laluan Tambak Johor-Senai berdekatan dengan Pekan Rabu iaitu JR205, yang pada waktu puncak kenderaan lalu lintas berbanding dengan waktu normal sememangnya didapati bahawa keadaan sesak hanya berlaku pada waktu puncak sahaja dan pada waktu biasa, aliran trafik adalah terkawal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri juga telah melaksanakan inisiatif bagi menyelesaikan untuk jangka pendek, pelbagai program perkhidmatan pengangkutan awam seperti Bas Muafakat Johor dan Bas Transit Iskandar Malaysia bagi menggalakkan rakyat Johor menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam di samping dapat mengurangkan kapasiti kenderaan di jalan raya. Dalam masa yang sama melalui IRDA juga telah mengadakan kajian untuk menggalakkan lebih ramai penduduk untuk menggunakan pengangkutan awam yang lebih efisien. Salah satu projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan ialah, untuk memperkenalkan sistem Bas RAPID Transit. Yang bersepadu dan sistematik dengan laluan *feeder, direct and trunk* dengan izin, yang meliputi lebih daripada 90% kawasan Wilayah Iskandar Malaysia, yang turut melibatkan jajaran sepanjang

19.6 kilometer di laluan Jalan Skudai. Pembinaan projek BRT ini akan dimulakan pada awal 2019. Untuk fasa pertama yang melibatkan laluan Iskandar Puteri. Johor Bahru-Iskandar Puteri. Dan dijangka siap pada tahun 2020. Bagi fasa kedua, melibatkan laluan Tebrau. Ianya akan dimulakan pertengahan tahun 2019, dan dijangka siap pada akhir 2021. Begitu juga fasa ketiga, yang melibatkan laluan yang kita bincangkan pagi ini, iaitu laluan Skudai yang akan dimulakan pada pertengahan 2019, dan dijangka siap pada pertengahan 2022. Bagi kawasan Skudai juga, perkhidmatan *feeder* BRT ini, akan beroperasi melalui 12 laluan dalam lingkungan 5 kilometer radius dari setiap stesen BRT. Ini bermaksud perkhidmatan *feeder* boleh didapati berdekatan dengan rumah-rumah penumpang, tidak melebihi 400 meter dengan rumah dengan hentian terdekat. Dan, akan dapat menghubungkan kawasan-kawasan perumahan dan komersial yang bersebelahan dengan laluan BRT. Jumlah bas perkhidmatan *feeder* ini dianggarkan sebanyak 80 buah bas. Dan, frekuensi kekerapan adalah selama 15 hingga 30 minit.

Selain itu Yang Berhormat Dato' Speaker, 10 laluan perkhidmatan laluan terus atau BRT *direct service* sepanjang laluan Skudai pula, akan menghubungkan tempat-tempat yang mempunyai perkhidmatan tinggi. Perkhidmatan laluan terus ini mempunyai hentian yang terhad tapi boleh melancarkan dan mempercepatkan lagi perjalanan. Kekerapan perkhidmatan adalah dianggarkan sekitar 30 minit. Dengan penggunaan sebanyak dan lebih kurang 100 buah bas. Di samping itu juga, BRT akan menjalankan kempen-kempen kesedaran awam bagi menggalakkan penggunaan kenderaan peribadi ini, agar dapat bertukar untuk menggunakan perkhidmatan BRT, dan seterusnya mengurangkan penggunaan kenderaan peribadi di atas jalan dengan sasaran untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam kepada 30% menjelang tahun 2025.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada usaha untuk pembangunan BRT tadi, kerajaan negeri juga menerima pelbagai cadangan yang antaranya ialah untuk membina projek penswastaaan lebuh raya bertol, Johor Bahru – Skudai bagi menyediakan laluan alternatif di sepanjang Jalan Skudai - Johor Bahru, yang dijangka dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di waktu-waktu puncak. Dalam kajian ini, laluan bertingkat tersebut, akan juga dapat mengurangkan waktu perjalanan sehingga 45 minit untuk ke Bandaraya Johor Bahru. Cadangan ini adalah di peringkat pertimbangan oleh Kerajaan Persekutuan.

YB Timbalan Speaker : Ya, Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Dato' Speaker. Sebelum saya majukan soalan tambahan, saya dengan izin, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Wanita Sedunia, kepada semua golongan wanita yang ada dalam Dewan yang mulia hari ini.

YB Timbalan Speaker : Oh, YB begitu prihatin ya dengan wanita.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Ya memang.

YB Timbalan Speaker : Hari Laki-Laki tak ada?

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Tak adalah. Belum lagi Dato'. Saya juga ingin mengucapkan terima kasihlah ke atas usaha dan jasa kamu selama ini dan saya juga berpendapat Ahli-Ahli yang lain juga berfikiran sedemikian. Soalan tambahan saya Dato' Speaker, saya selalu lalu Jalan Skudai ni, bila saya sampai ke simpang nak belok kepada Taman Perling dan Link Kedua tu, biasa saya nampak banyak kereta yang beratur. Beratur nak naik *flyover* tersebut. Dan saya kena

nyatakan di sini, saya tidak rasa ia hanya berlaku pada waktu-waktu puncak atau *peak hour* saja. Maka kalau kita dari pukul 9 lebih sampai tengah hari pun, jalan tu juga sesak.

Soalan tambahan saya adakah kerajaan ada apa-apa cadangan untuk melebarkan jalan atau menjadikan *turning* tersebut kepada 2 *lane*. Sekarang 1 *lane*. Boleh tak kita jadikan 2 *lane* agar dia tidak beratur. Bila dia beratur, dia akan menjejaskan keadaan trafik di belakang juga sampai ke Giant Mall. So satu tu. Kedua, saya juga dapati bila hari hujan, depan Jalan Taman Johor tu, dia akan banjir. Adakah itu juga merupakan satu faktor dengan menyumbang kepada keadaan trafik dan apakah solusi atau penyelesaian kerajaan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jalan Skudai – Johor Bahru ni seperti yang mana kita sedia maklum, ialah merupakan salah satu laluan yang penting dan utama untuk masuk ke kawasan Bandaraya Johor Bahru. Dan, kawasan tersebut kita juga mengambil maklum bahawa ianya adalah kawasan yang membangun. Dengan itu, usaha untuk melebarkan jalan tersebut sememangnya merupakan pendekatan yang diperlukan, tetapi dengan kenderaan yang melalui sebanyak 13,157 *vehicle per hour*, pada waktu kemuncak dan 11,532 kenderaan setiap jam yang melalui Jalan Skudai ini, ianya memerlukan pengambilan balik, yang kalau daripada 4 lorong 2 hala untuk dijadikan 6 lorong 2 hala, pertama ianya melibatkan pengambilan balik tanah. Kos pengambilan balik seperti mana kita sedia maklum di kawasan ini, memerlukan kos yang tinggi. Dengan itu, dengan hanya melebarkan sahaja Jalan Skudai ke Johor Bahru ini, ianya bukanlah merupakan pendekatan yang dapat memberi impak yang maksima. Sebab itu, pendekatan menggunakan Bas Rapid Transit ini atau meningkatkan penggunaan pengangkutan awam ini, merupakan pilihan pendekatan yang terbaik untuk kita mengatasi isu kesesakan. Ianya tidak boleh hanya dengan melebarkan jalan, kerana kos pengambilan balik tanah adalah terlalu tinggi. Dan, kita juga maklum tentang beberapa kawasan yang kadang kala bila berlaku cuaca yang tidak mengizinkan, banjir kilat berlaku di lokasi-lokasi tersebut. Dan, untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Kerja Raya dan juga pihak kementerian, sentiasa sahaja mengenal pasti kawasan ini dan kemudahan-kemudahan infrastruktur ini akan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

YB Timbalan Speaker : Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih atas jawapan EXCO Yang Berhormat Pengerusi tadi. Dan, saya nak tanya soalan tambahan khasnya tentang BRT sahaja, kerana Yang Berhormat Pengerusi tadi sudah sebut tentang Bas Rapid Transit. Kerana saya menyokong Bas Rapid Transit ini. Ini memang adalah satu cadangan yang disokong oleh pembangkang juga. Tapi, saya rasa terlalu, apa tu, Johor Bahru lah perlulah infrastruktur ni dalam jangka masa yang agak pendek. Dan, yang paling penting, masalah kesesakan lalu lintas sekarang amat serius di daerah Johor Bahru. Iaitu, saya rasa kita perlu menerangkan kepada lebih ramai orang lagi kerana di Johor Bahru lebih ramai orang yang berulang alik setiap hari dan mereka pernah ada pengalaman tinggal di luar negara khasnya di Singapura. Itu semua orang mereka apabila sebut pengangkutan awam, mereka fikir MRT. Khasnya sekarang kat Klang Valley juga ada MRT. Tetapi, pendapat saya bahawa MRT tidak sesuai untuk Johor Bahru. Saya setuju dengan BRT. Masalah sekarang, apa cadangan negeri Johor untuk operasi BRT. Apa model operasi itu? Adakah kita akan ada satu syarikat konsesi untuk operasi setiap hari? Dan, apa terma dan syarat untuk syarikat konsesi ini? Adakah satu syarikat akan dapat kontrak melalui tender terbuka dan bekerjasama atau pun

usaha dengan syarikat-syarikat bas lain yang menjalankan operasi di seluruh Johor Bahru, bergabung untuk menjalankan BRT, sistem BRT ini. Saya rasa ini adalah satu soalan yang penting kalau kita nak *make sure* dengan izin projek ini akan berjaya di Johor Bahru. Iaitu, saya minta kalau bolehlah Yang Berhormat Pengerusi boleh menerangkan, apa kontrak dan terma dan syarat untuk BRT ini, untuk syarikat konsesi yang akan dapat kontrak ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada pihak sebelah sana kerana bersetuju dan menyokong usaha BRT. Jadi saya kira soalnya kerana nak menyelesaikan kesesakan apa langkah diambil, jadi BRT salah satu pendekatan. Yang Berhormat pun turut bersetuju jadi terima kasih. Jadi soalan terperinci ini untuk BRT kerana tak ada kaitan dengan soalan ni, jadi kita jawab di Dewan yang akan datang, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat ada kat sanalah. Jadi, hari ini tak relevan lagi soalan tersebut. Terima kasih Dato' Speaker.

YB Timbalan Speaker : Pemanis, jemput.

YB Encik Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan Pemanis No. 5.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan Dan Penerangan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pemanis kerana utarakan soalan. Hospital Segamat merupakan salah satu Hospital Pakar Mejar, yang mempunyai sebanyak 314 buah katil. Mulai tahun 2010 hingga hari ini, Hospital Segamat mempunyai 13 perkhidmatan pakar. Perkhidmatan kepakaran tersedia ini dimulakan secara berperingkat. Dari tahun 2010 hingga 2014, perkhidmatan kepakaran utama telah dimulakan secara berperingkat termasuk perubatan am, sakit puan, pembedahan am, tulang, kanak-kanak, pediatrik, bius, kecemasan dan trauma, x-ray dan juga sakit jiwa. Mulai tahun 2015 pula, Hospital Segamat telah memulakan perkhidmatan kepakaran dalam bidang hidung dan tekak, mata dan bedah mulut. Manakala pada tahun 2017 pula, perkhidmatan kepakaran kajian tisu, organ dan mayat atau pun patologi mula diperkenalkan di Hospital Segamat. Perancangan bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah penempatan perkhidmatan kepakaran onkologi. Mengikut rekod, Hospital Segamat setiap tahun melalui tahun 2012 hingga 2017, mencatatkan purata tahunan pesakit wad seramai 24,188 orang, dengan jumlah pesakit wad tertinggi direkodkan pada tahun 2016 iaitu seramai 25,350 orang pesakit wad berdaftar. Bagi perkhidmatan pesakit luar di Hospital Segamat pula, merekodkan purata sejak tahun 2012 hingga 2017, seramai 105,691 orang dengan jumlah tertinggi direkodkan pada tahun 2017 iaitu seramai 124,039 orang. Kadar purata pesakit luar di Hospital Segamat merekodkan kenaikan purata 7% setahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Hospital Segamat perancangan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kepakaran terus berlaku. Untuk perancangan tahun 2018 sehingga 2020, seperti yang saya sebutkan tadi kepakaran onkologi akan mula ditempatkan di sini. Selain daripada itu, mulai 2017, Hospital Segamat telah memperolehi tambahan 2 buah ambulan baru, menjadikan jumlah keseluruhan ambulan di Hospital Segamat adalah sebanyak 7 buah. Kerajaan sentiasa mengambil maklum akan kepesatan pembangunan dan kemajuan daerah Segamat dan daerah-daerah berhampiran di utara negeri Johor bagi memastikan keselesaan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di Hospital Segamat dan atas sikap prihatin dengan tanggungjawab kerajaan yang ada pada

hari ini, kerja-kerja menaik taraf kemudahan dan infrastruktur Hospital Segamat sentiasa diberikan penekanan.

Justeru itu pada tahun 2011 hingga tahun 2017, peruntukan sebanyak RM13.3 juta bagi kerja-kerja ubahsuai, naik taraf dan pembaikan telah dilaksanakan di Hospital Segamat. Kerajaan juga telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM90.5 juta kepada Hospital Segamat bagi projek pembinaan bangunan tambahan dan dijangka akan memulakan perlaksanaan tersebut pada bulan April 2018. Dan dalam tempoh perlaksanaan projek yang dianggarkan siap dalam 3 tahun mendatang, akan menjadikan Hospital Segamat sebagai sebuah pusat perkhidmatan kesihatan terbaik yang akan disediakan oleh kerajaan di utara negeri Johor.

YB Timbalan Speaker : Jemput.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat EXCO yang prihatin. Terima kasih di atas usaha kerajaan dan juga tahniah di atas prestasi dan pencapaian bukan sahaja untuk Hospital Segamat, malahan untuk perkhidmatan kesihatan di daerah Segamat pada keseluruhannya. Jadi, kami di Segamat memang bertuah kerana kami dikurniakan seorang EXCO yang bertanggungjawab untuk hal ehwal kesihatan dan juga kebetulan Menteri Kesihatan datang dari Segamat juga.

YB Timbalan Speaker : Segamat aje, tempat-tempat lain tak dapatlah.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya kami memang rezekilah, tak usah cemburu, datang aje tinggal di Segamat. Jadi, untuk warga Segamat, bukan sahaja keperluan kita jaga, kehendak kita ambil perhatian, malahan keselesaan telah pun jadi perjuangan dalam agenda kita. Jadi, minta izin di atas kejayaan untuk Hospital Segamat ini, izinkan saya Pemanis bawa satu aspirasi warga Segamat ialah, bila keadaan panas, cuaca panas kita sekadar berkipas aja. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk membuatkan keadaan lebih selesa untuk pesakit. Ya, terima kasih Dato' Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Terima kasih kepada Pemanis yang sentiasa sahaja membangkitkan yang berkaitan tentang keperluan rakyat terutamanya di daerah Segamat. Dan, sememangnya kita bekerjasama untuk memberikan penerangan yang berkaitan tentang kemudahan-kemudahan yang telah pun dibangunkan di daerah Segamat. Terima kasih Pemanis.

Sebenarnya di Hospital Segamat, kita telah pun menerima peruntukan daripada KETTHA sebanyak RM7.4 juta untuk menaik taraf kemudahan yang berkaitan tentang penggantian keseluruhan penyaman udara di Hospital Segamat yang bermula daripada Oktober 2017 dan dijangkakan akan siap pada Oktober 2018 yang melibatkan 6 Fasa. Dan sekarang ini telah pun masuk fasa yang kedua, yang melibatkan sebahagian besar daripada wad, klinik pakar dan juga OT. Dan saya harapkan selepas ianya siap ia akan memberikan keselesaan seperti yang dikehendaki oleh Pemanis. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Adakah kerajaan memberi bantuan makanan mengikut per kapita kepada sekolah agama swasta (Maahad, Madrasah Tahfiz, Sekolah Pondok) yang berdaftar, jumlah bantuan setiap tahun dan benarkan dakwaan ianya dipotong?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker, menjawab soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Maharani, sebelum saya menjawab terus kepada soalan yang ditanyakan, ingin saya menjelaskan tentang beberapa perkara ataupun statistik ataupun data tentang sekolah-sekolah tahfiz yang berdaftar dan tidak berdaftar, begitu juga sekolah-sekolah pondok yang ada di negeri Johor.

Untuk makluman Dewan, sekolah tahfiz yang berdaftar sehingga kini ada sebanyak 122 buah, di mana 48 buah lagi masih belum mendaftar. Sekolah pondok yang mendaftar ada sebanyak 11 buah, di mana jumlah keseluruhan guru tahfiz di seluruh negeri Johor adalah sebanyak ataupun seramai 815 orang. Di mana jumlah pelajar tahfiz swasta di negeri Johor yang mendaftar adalah sebanyak 7,081 orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ditanyakan oleh Yang Berhormat Maharani tentang peruntukan daripada kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor yang sebelum ini diberikan kepada sekolah-sekolah tahfiz dan juga sekolah-sekolah pondok, ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat dan Ahli Dewan bahawa kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor komitmen membantu sekolah-sekolah pondok, sekolah-sekolah tahfiz, walaupun jumlah sekolah-sekolah pondok dan tahfiz ini dari hari ke hari semakin bertambah.

Cuma yang ditanyakan oleh Yang Berhormat apabila mereka mendapat maklumat bahawa peruntukan bagi bantuan sumbangan per kapita kepada murid-murid sekolah dan madrasah tahfiz ini yang jumlahnya RM2.00 setiap murid, mengikut jumlah hari murid berada di asrama dan di sekolah tiap tahun ditangguhkan sementara. Bukan ditangguhkan, maknanya tidak diluluskan. Ditangguhkan sementara bertujuan untuk mendapatkan laporan *task force* yang disediakan oleh Bahagian pendidikan yang sekarang ini masih lagi berjalan *task force* ini bersama dengan agensi-agensinya yang lain seperti Jabatan Bomba, Polis Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya madrasah atau pun sekolah tahfiz itu berada dalam kawasan PBT, begitu juga Jabatan Kesihatan dan disediakan oleh Unit Pendaftaran Sekolah Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan-bantuan selain daripada bantuan per kapita, bantuan pengurusan sekolah juga diberikan. Sebagai contoh, pada tahun 2013, bantuan pengurusan kepada sekolah-sekolah tahfiz ini diberikan sebanyak RM380,000.00, pada tahun 2014 meningkat menjadi RM730,000.00 dan pada tahun 2015 hingga 2017 pada tiap-tiap tahun diberikan bantuan untuk pengurusan sebanyak RM1 juta diperuntukkan setiap tahun.

Selain daripada itu juga, pihak sekolah tahfiz dan juga sekolah-sekolah pondok ini mendapat bantuan untuk baik pulih. Baik pulih terutamanya, baik pulih berkaitan dengan pendawaian sehinggalah tahun 2016, diperuntukkan sebanyak RM1.459 juta; pada tahun 2017, sebanyak RM1.616 juta dan keseluruhan kepada sekolah-sekolah tahfiz kerajaan dan madrasah pondok, sekolah tahfiz swasta dan juga sekolah-sekolah pondok yang telah disalurkan oleh kerajaan pusat kepada kita, kerajaan persekutuan untuk membantu sekolah-sekolah swasta ini sebanyak RM4.67 juta.

Selain daripada itu juga, apabila kita mendengar banyak perkara-perkara ataupun berita tentang berlakunya kebakaran di sekolah-sekolah tahfiz ini, pihak kerajaan persekutuan juga telah membekalkan sebanyak 255 buah bantuan alat pemadam api ke sekolah-sekolah yang disebutkan. Saya ingin menjelaskan di sini, sekarang ini banyak *viral*, sekolah-sekolah swasta ingin memohon bantuan dan sebagainya untuk mendapatkan sumbangan daripada masyarakat. Saya ingin menegaskan bahawa di sini usaha kerajaan membantu mereka ini adalah untuk memberikan keselesaan kepada para pelajar. Kalau kita nak membantu keseluruhan yang saya sebutkan tadi, sekolah tahfiz berdaftar saja sebanyak 122 buah, yang tak berdaftar 48 buah, pondok yang berdaftar 11 buah, pelajar tahfiz sahaja 815 orang. Jika dibandingkan dengan jumlah pelajar, gurunya sahaja 815 orang dan jumlah pelajarnya tahfiz itu, 7,081 orang. Maknanya, kalau kita bahagikan dengan jumlah sekolah 122 buah, pelajarnya ada 7,000, hanya lebih kurang berapa puluh orang sahaja dalam satu sekolah. Maka itu sebab, kita melihat kepada ini melalui laporan *task force* ini nanti mungkin ada sekolah-sekolah yang mungkin tidak menepati atau pun mungkin dari segi sudut keselamatan, kita akan dapatkan laporan daripada pihak Bomba. Mungkin tidak selamat dan sebagainya, mungkin kita akan berikan tempoh untuk mereka memperbaiki, untuk memperbaiki bangunan-bangunan mereka sekiranya mereka ini hendak diluluskan pendaftaran mereka dan mereka layak mendapat bantuan daripada pihak kerajaan. Terima kasih Dato' Speaker.

YB Timbalan Speaker : Ya, Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan terima kasih kepada EXCO Agama yang telah dapat memberi penjelasan tentang keprihatinan kerajaan dalam menghadapi, memberi bantuan kepada pelajar-pelajar dan madrasah-madrasah tahfiz ini yang nampaknya berkembang dengan baik di negeri Johor ini. Insya-Allah bumi bertuah ini akan dirahmati Allah. Pertanyaan saya ialah tentang bantuan-bantuan yang telah dijanjikan itu adalah ianya telah sempurna diagihkan dan kedua hingga bilakah, bilakah agaknya laporan yang menyebabkan segala bantuan ditangguhkan ini akan diselesaikan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sebagaimana yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah selesai laporan daripada pihak Bomba dan juga agensi yang berkaitan, kita akan berjumpa ataupun memanggil seluruh Pengetua-Pengetua di mana pada bulan Januari yang lepas kita telah mengadakan perjumpaan, kita telah menjemput Pengetua-Pengetua dan juga Penyelia-Penyelia Sekolah-Sekolah Swasta ini kita panggil dan kita berikan taklimat. Di dalamnya itu terkandung beberapa perkara yang kita taklimatkan iaitu Perlaksanaan JTQA (*Johor Tahfiz Quality Assurance*), Jaminan hala tuju Kualiti Sekolah Tahfiz Negeri Johor, kita terangkan kepada mereka dan alhamdulillah, majoriti guru-guru ini telah menerima ataupun pengusaha-pengusaha tahfiz ini dan pengetuanya telah menerima JTQA itu. Dan, kita juga memberikan satu bentuk kursus dan taklimat untuk Pengurusan Sekolah-Sekolah Tahfiz dan kita juga sedang berusaha untuk sekolah-sekolah tahfiz ini melaksanakan dua aliran. Selain daripada mereka membuat atau pun dalam bentuk aliran tahfiz, kita juga minta supaya pihak sekolah juga melaksanakan aliran satu lagi iaitu aliran akademik supaya pelajar-pelajar ini tidak tercicir. Maka dengan sebab itu, apabila peraturan-peraturan ini dipatuhi, pihak kerajaan akan terus melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor akan menyalurkan bantuan setelah selesai semua laporan-laporan dan pematuhan-pematuhan itu dipatuhi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Timbalan Speaker : Sila, Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Seni kebudayaan Negeri Johor seperti Zapin dan Ghazal seakan-akan kelam terutamanya di kalangan anak muda dan pelajar sekolah. Apakah pendekatan terbaik yang perlu diambil bagi memastikan seni kebudayaan ini terus diwarisi zaman-berzaman?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Kukup atas soalan yang diberi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dunia hari ini berkembang begitu cepat seiring dengan kemajuan teknologi maklumat yang telah mengubah gaya hidup masyarakat terutamanya dalam soal bersosial. Ia sedikit sebanyak telah mempengaruhi budaya dan gaya hidup dari negara luar yang telah menyerap masuk ke negara ini terutamanya daripada negara Barat dan juga negara Korea. Ini telah menjadi cabaran kepada anak muda dalam menghayati seni budaya sendiri terutamanya seperti tarian zapin, seni muzik ghazal serta keroncong, kompang dan sebagainya.

Oleh itu kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor, Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara Negeri Johor serta Majlis Kebudayaan Negeri Johor terus menggiatkan bagi melaksanakan kerja seni budaya ini di semua peringkat.

Antaranya program yang telah kita laksanakan iaitu yang pertama, Lestari Seni Anak Johor iaitu program pengembangan untuk pelajar-pelajar di sekolah serta masyarakat mengikut mukim di seluruh negeri Johor melibatkan pengajaran dan latihan tarian, zapin, muzik ghazal dan keroncong, seni visual, seni tulisan khat, kesenian Islam seperti taranum al-Quran dan berzanji.

Kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor telah bersetuju untuk menyediakan peralatan ghazal untuk tujuan pengajaran seni muzik ghazal dan keroncong di setiap daerah. Ini adalah salah satu inisiatif kerajaan negeri Johor untuk pengembangan seni muzik ghazal dan keroncong. Sasaran penglibatan dan penyertaan bagi keseluruhan program Lestari Seni Anak Johor yang melibatkan setiap bidang seni, iaitu program ini mensasarkan 3,000 orang dan ia sentiasa melebihi sasaran yang ditetapkan.

Manakala program yang kedua iaitu program yang telah dianjurkan oleh kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor dan juga Jabatan Kesenian Kebudayaan Negara Negeri Johor iaitu Festival Seni Muafakat Johor. Festival ini dilaksanakan setiap tahun semenjak tahun 2015, melibatkan pertandingan kompang, zapin, ghazal, keroncong, tarian Cina, tarian India, gendang Cina dan juga gendang India. Pertandingan kompang dimulakan di setiap DUN dan saya yakin bahawa setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat telah melaksanakan dari tahun 2015 dan pemenangnya akan mewakili kawasan Dewan Negeri masing-masing ke peringkat negeri. Bagi pertandingan zapin pula, ia diadakan di peringkat daerah sebelum pemenangnya dipertandingkan di peringkat negeri. Festival ini mendapat sambutan yang begitu baik dan telah melibatkan pelbagai kaum dengan penyertaan lebih 2,000 setiap tahun.

Manakala, program yang ketiga, iaitu Festival Hujung Medini. Festival ini merupakan satu festival kebudayaan bertaraf antarabangsa yang dilaksanakan di negeri Johor

dengan penglibatan dari negara-negara serantau. Tahun lalu, ia turut disertai oleh negara Singapura, Indonesia dengan persembahan zapin Nusantara, diiringi dengan muzik ghazal dan juga keroncong. Festival ini akan diadakan setiap tahun sebagai menyokong usaha kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin, untuk menjadikan Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa.

Pendekatan dengan memperbanyakkan aktiviti seni budaya yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor yang disokong oleh jabatan, agensi-agensi serta NGO yang bergerak aktif ini, diharap dapat mendekatkan seterusnya menggalakkan penerimaan anak muda Johor untuk terus terlibat dalam seni budaya Johor sebagai jambatan untuk generasi seterusnya.

Namun begitu, ia tidak akan berjaya tanpa penglibatan semua pihak terutamanya ibu bapa sendiri untuk memberi galakan kepada anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti ini. Bagi kerajaan negeri Johor yang dipacu oleh parti Barisan Nasional pada penggal ini dan untuk penggal seterusnya, kami akan sentiasa komited untuk terus mengembangkan seni budaya Johor terutamanya zapin, ghazal, keroncong termasuk juga kesenian Islam iaitu taranum, Al-Quran dan juga berzanji. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Timbalan Speaker : Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih kerana diberi laluan untuk soalan tambahan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya ialah, bila kita bercerita pasal zapin, semua orang tahu ini budaya Johor dan sangat popular, bukan sahaja di Malaysia malah negeri-negeri dalam kumpulan Nusantara ini. Dan Johor juga terkenal dengan ghazal satu ketika dahulu. Jadi soalan saya, di samping dua ikon ataupun seni budaya teras Johor ini, ada tidak lagi Yayasan Warisan Johor mencari gali daripada mana-mana sumber seni budaya yang terdapat dalam daerah-daerah dan juga pendalaman dalam negeri Johor ini yang boleh kita ketengahkan supaya mana tahu seni budaya yang kita jumpa itu yang kita temui itu boleh pergi kepada peringkat yang lebih tinggi lagi ataupun kita garapkan dengan kaedah moden dan juga seni-seni yang sedia ada supaya dia boleh menzahirkan satu bentuk persembahan yang sangat sinonim dengan negeri ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Kukup. Terima kasih atas soalan tambahan, untuk maklumat Yang Berhormat Kukup, bahawa setiap seni yang ada dalam negeri Johor pada hari ini yang telah kita angkat iaitu seperti yang saya sebut tadi, seperti seni visual, seni zapin, ghazal, keroncong, seni tulisan khat, kesenian Islam, taranum Al-Quran dan berzanji merupakan beberapa seni yang telah menjadi keutamaan kepada Yayasan Warisan Johor. Buat masa ini Yayasan Warisan Johor di bawah jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara, Negeri Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor, sentiasa berusaha untuk mengenal pasti jika ada seni-seni yang baru yang boleh kita ketengahkan dan untuk jangka masa hari, ini sehingga hari ini, Yayasan Warisan Johor masih mengutamakan setiap seni yang saya nyatakan tadi.

Dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bahawa sehingga kini kita bukan sahaja memberi keutamaan kepada zapin, ghazal, keroncong dan menjadi keutamaan kepada kita untuk kita mengembangkan lagi Kesenian Islam iaitu seni taranum, al-Quran dan berzanji kerana kita bertujuan selain daripada kita memberi keutamaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin, kita

juga perlu seimbangkan antara kemajuan dari segi fizikal, ekonomi dan juga kebudayaan dan warisan dalam negeri Johor. Dan saya harap dan kita Yayasan Warisan Johor sentiasa memberi ruang dan peluang kepada aktivis-aktivis tempatan untuk sama-sama bekerjasama dengan Yayasan Warisan Johor, Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara, Negeri Johor dan juga Majlis Kebudayaan Negeri Johor untuk kita meletak kesenian dan kebudayaan di peringkat akar umbi ini untuk kita angkat di peringkat negeri Johor insya-Allah. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ahli Yang Berhormat, sekian soalan-soalan yang dapat dibahaskan pada hari ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT 2018.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Timbalan Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu enakmen untuk membuat peruntukan-peruntukan berbangkit untuk ubahsuaian-ubahsuaian gelaran berhubung taraf Majlis Daerah Segamat ditukar dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa rundingan di bawah Peraturan Tetap 58 agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Timbalan Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penggubalan enakmen bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang di naik taraf adalah merupakan satu proses perundangan yang biasa dan telah dilaksanakan di Pihak Berkuasa Tempatan lain di Malaysia yang telah di naik taraf mengikut Seksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976, yakni Akta 171 seperti Enakmen Majlis Perbandaran Muar 2001, Enakmen Majlis Perbandaran Batu Pahat 2001 dan Enakmen Majlis Perbandaran Kluang 2001. Majlis Daerah Segamat Utara atau pun MDSU telah ditukar nama kepada Majlis Daerah Segamat

pada 1 Januari 2001 dan pada ketika itu Dewan yang mulia ini telah meluluskan Enakmen Majlis Daerah Segamat 2001 yang telah pun digubal sesuai dengan penukaran nama Majlis Daerah Segamat Utara kepada Majlis Daerah Segamat. Kini, adalah wajar supaya Majlis Daerah Segamat diberikan pertimbangan untuk pengiktirafan pada Majlis Perbandaran Segamat.

Pengiktirafan yang diberikan ini secara tidak langsung akan dapat memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada penduduk selain dapat mempertingkatkan lagi prestasi dalam pelbagai aktiviti yang dipertanggungjawabkan pada Majlis Daerah Segamat. Selain dari telah memenuhi kriteria-kriteria bagi kenaikan Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran, kenaikan taraf juga memberi kelebihan kepada Majlis Daerah Segamat dengan penambahan perjawatan, kenaikan jumlah geran tahunan dan projek-projek pembangunan bersesuaian dengan taraf sebagai perbandaran. Tambahan, pengiktirafan perbandaran yang diberikan juga akan menjadi dorongan serta pemangkin kepada segala perancangan pembangunan yang telah dirancang selaras dengan hasrat kerajaan negeri. Ini secara tidak langsung akan menjadi daya penarik kepada pelabur-pelabur asing mahupun tempatan dalam membuat pelaburan ke negeri Johor. Oleh yang demikian, bersesuaian dengan kenaikan taraf Majlis Daerah Segamat kepada Majlis Perbandaran Segamat, maka Rang Undang-Undang Majlis Perbandaran Segamat 2018 ini digubal bertujuan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan berbangkit untuk ubahsuaian-ubahsuaian gelaran sesuai dengan kenaikan taraf tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Rang Undang-Undang ini mengandungi 3 Fasal. Fasal Pertama, mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa enakmen yang dicadangkan. Fasal kedua, memperkatakan gelaran yang digunakan dalam konteks Majlis Daerah Segamat dan ubahsuaian-ubahsuaian gelaran-gelaran itu apabila mula berkuat kuasa enakmen yang dicadangkan. Fasal yang ketiga, memperkatakan kecualian semua perkara yang dilakukan oleh atau terhadap Majlis Daerah Segamat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan Pihak Berkuasa Tempatan sebelum mula berkuat kuasa enakmen yang dicadangkan yang hendaklah tidak menyentuh apa-apa prosiding perundangan yang telah dilaksanakan dan prosiding perundangan oleh atau terhadap Majlis Perbandaran Segamat boleh dimulakan seolah-olah tiada apa-apa penukaran taraf selepas enakmen yang dicadangkan telah mula berkuat kuasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Timbalan Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT 2018.

YB Timbalan Speaker : Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : FASAL 1.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput

angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 3.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi : Dewan Negeri bersidang semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon maklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Timbalan Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Majlis Perbandaran Segamat 2018 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Perbandaran Segamat 2018 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah selesai sudah Persidangan hari ini. Terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Negeri dan ketua-ketua jabatan. Insha-Allah kalau dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki kita akan berjumpa di Persidangan Dewan yang akan datang. Sebelum saya menangguhkan Persidangan ini dijemput semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua yang hadir untuk jamuan tengah hari yang diadakan di Dewan Bankuet. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10:45 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Penolong Jurutulis

Encik Hasnul Atmam bin Othman
Puan Farrah Diana binti Mohammad

Ketua Unit Dewan

Puan Norliza binti Md. Aris

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kassim
Encik Mohd Sapri bin Manan

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)

Puan Junaidah binti Paing
Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Puan Hajah Rahimah binti Akbar

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md. Sidi

Juruaudio Video

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR
08 MAC 2018